

Kolej Perguruan Ugama pertama akan ditubuh

5 JUL 1976
pada akhir 1977

MAKTAB Perguruan Agama Malaysia yang pertama akan ditubuhkan akhir tahun 1977, Timbalan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu hari ini ketika menggulung perbincangan di Perhimpunan Agung UMNO yang ke 27 di sini petang ini.

Kata beliau, maktab tersebut akan ditempatkan di Universiti Kebangsaan sekarang.

Dr. Mahathir berkata, Kerajaan sedar perlunya Maktab Perguruan Agama diadakan bagi melahirkan guru-guru agama yang berkecualan.

Adalah tidak benar kerajaan tidak mengambil berat terhadap menubuhkan Maktab Perguruan Agama, kata beliau dan menambah keputusan telahpun dibuat untuk membina maktab tersebut pada akhir tahun 1977.

"Ianya akan ditempatkan di fakulti Islam Universiti

KUALA LUMPUR, Ahad

an agama bukan salah satu mata pelajaran yang menjadi satu syarat untuk seseorang pelajar lulus dalam pemeriksaan, tetapi ianya perlu diadakan bagi membentuk akhlak seseorang pelajar.

Kejayaan matlamat ini bergantung kepada keupayaan seseorang guru dan murid serta ibubapa masing-masing kerana masalah membentuk akhlak anak-anak bukan satu perkara yang mudah diatasi.

Beliau kemudiannya berkata: "kita seharusnya merasa syukur kerana pengajaran mata pelajaran agama ini terdapat di sekolah-sekolah sekarang tidak seperti di zaman penjajahan British dahulu.

"Sekarang kita mempunyai mata pelajaran tersebut di sekolah-sekolah dan mempunyai fakulti Islam di universiti-universiti," kata beliau lagi.

Bagaimanapun, Dr.

benar, dari segi rasmi kerajaan telah akui ijazah universiti tersebut.

Yang jadi masaalahnya sekarang, apabila pemegang ijazah Universiti tersebut meminta kerja, mereka terpaksa menghadapi temuduga dan dalam temuduga tersebut bukan seorang sahaja yang meminta.

Beliau menyebutkan satu contoh baru-baru ini ada pengambilan untuk 38 jawatan sedangkan yang memohon lebih kurang 800 orang.

Mereka ini terpaksa ditapis berdasarkan kepada kebolehan masing-masing," katanya.

Dr. Mahathir kemudiannya menjelaskan bahawa kerajaan terpaksa mengambil berat pelajar-pelajar di luar negeri kerana mengawasi kegiatan mereka dan menghindarkan mereka dari dakyah-dakyah parti-parti pembangkang yang cuba memutarbelitkan fikiran mereka.

Kebangsaan apabila fakulti tersebut berpindah ke Bangi," tambah beliau.

Mengenai tawaran keajaan Trengganu yang elah menyediakan apak untuk pembinaan naktab tersebut, Dr. Mahathir berkata kerajaan pusat mengucapkan ribuan terima kasih.

Mengkaji

Bagaimanapun, tambah beliau, tapak tersebut akan di dirikan dengan maktab biasa.

Beliau juga memberitahu sebuah matkab perguruan akan didirikan di Sungai Petani di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Mengenai pelajaran agama yang ditimbulkan oleh para perwakilan, Dr. Mahathir berkata kementerianinya telahpun menubuhkan jawatankuasa penasihat pelajaran agama untuk mengkaji sukatan pelajaran agama di negara ini.

Antara kajian tersebut ialah mengenai masa yang dihidangkan untuk mengajar mata pelajaran tersebut, juga sukatan pelajaran yang terdapat sekarang.

Kata beliau lagi, jawatankuasa tersebut mendapati masa pengajaran mata pelajaran itu perlu di tambah begitu juga dengan sukatan pelajaran ada sekarang.

Dr. Mahathir menambah, walaupun pelajar-

Mahathir berkata, masaalah pelajaran agama ini tidak mudah diatasi.

Disedari

Beliau meminta kerjasama para perwakilan memberikan idca-idea bagi mengatasi soal pelajaran agama ini.

Mengenai kekurangan penuntut-penuntut Bumiputra di fakulti kejuruteraan Universiti Malaya seperti yang disebut-sebut oleh beberapa orang perwakilan, beliau berkata perkara itu telah disedari oleh kerajaan.

"Kita telah berusaha mengatasi dan menambahkan bilangan penuntut-penuntut Bumiputra di fakulti tersebut," jelas beliau.

Bagaimanapun soal tersebut tidak boleh diatasi secara negatif sahaja.

Beliau memberitahu mulai tahun ini kerajaan telah merancang untuk menubuhkan pusat sains di Universiti Malaya bagi menampung pelajar-pelajar Bumiputra lulusan SPM dan MCE.

Dr. Mahathir kemudiannya menafi bahawa Universiti Kebangsaan Malaysia tidak sama dengan ijazah dari lain-lain universiti.

Menurut Dr. Mahathir, ini tidak

Menyokong

Beliau menimbulkan perkara ini sebagai mengulas menyokong tindakan ibupejabat UMNO mengundang perwakilan dari Kelab UMNO London.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian Datuk Hamzah ketika menggulung meminta pihak berkenaan memberi laporan kepadanya jika ada industri-industri yang mengusahakan bekalan minyak disel kepada nelayan-nelayan yang telah tidak berbuat demikian.

Beliau berkata, kerajaan puashati dengan kejayaan Bumiputra dalam perusahan pengedaran.

Beliau yakin kalau tidak seratus peratus, sekurang-kurangnya 70 peratus Bumiputra akan berjaya dalam pengedaran ini menjelang 1990.